

19/05/2000

Sukan: Perlis mohon RM50 juta

Kamudin Baharom

ARAU, Khamis - Kerajaan negeri akan memohon peruntukan RM50 juta daripada Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) bagi meningkatkan pembangunan dan prasarana sukan di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata peruntukan itu perlu bagi membina pelbagai kemudahan sukan, termasuk sebuah stadium tertutup dan dewan besar serba guna.

Katanya, selain itu, peruntukan berkenaan akan digunakan bagi membina beberapa gelanggang sukan seperti squasy dan bowling yang mempunyai potensi berkembang.

"Kita berharap Kerajaan Pusat khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan mempertimbangkan permohonan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam dan Upacara Penyerahan Bendera Kontinjen Sukan Malaysia (Sukma) Perlis 2000 di Dewan Siswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Kampus Arau di sini, malam tadi.

Setiausaha Kerajaan negeri, Abdul Latib Omar; Ahli Exco negeri, Datuk Yazid Mat; Pegawai Kewangan Negeri, Abdul Hadi Ismail yang juga Timbalan Ketua Kontinjen Satu Sukma Perlis dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNPs), Normala Md Yahaya turut hadir.

Seramai 392 atlit dan pegawai Kontinjen Perlis yang akan menyertai 21 daripada 30 jenis sukan di Sukma kelapan Pulau Pinang dari 25 Mei hingga 3 Jun itu turut diraikan pada majlis itu.

Shahidan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sukan negeri, berkata bagi menjayakan tujuan itu kerajaan negeri sudah menyediakan tapak di kawasan Kompleks Sukan Kampung Pondok, dekat Kangar.

Katanya, walaupun sudah ada sebuah dewan serba guna iaitu Dewan Warisan tetapi ia bukan saja kecil, malah tidak begitu sesuai bagi beberapa aktiviti sukan bertaraf tinggi.

"Selain itu, biarpun stadium tertutup akan di bina di sebuah kampus universiti dan poliklinik tidak lama lagi tetapi ia lebih kepada kegunaan pelajar pusat pengajian tinggi itu.

"Lagipun, kita sudah sediakan tapak khas bersebelahan Stadium Utama Negeri di Kangar," katanya.

Menurutnya, pembinaan beberapa gelanggang sukan lain seperti bowling dan squasy memang dianggap wajar kerana sukan itu semakin digemari dan mempunyai potensi untuk berkembang.

Shahidan yang juga Ketua Kontinjen Sukma Perlis itu berkata, walaupun hotel bertaraf lima bintang yang akan dibina tidak lama lagi itu turut membina gelanggang bowling, tetapi sebuah gelanggang lain perlu dibina di negeri ini.

"Begitu juga dengan pembinaan bagi beberapa gelanggang sukan lain, termasuk squasy bagi memastikan bidang sukan di Perlis ini turut maju selari dengan pembangunan sukan di negeri lain," katanya.

(END)